



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JUNE 2017

Dr. Mahathir didakwa khianati negara

UM
- 19/6/2017 Pg. 4

KUALA LUMPUR 18 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkhianati negara jika dakwaan beliau pernah membayar RM21.3 juta kepada Yayasan Clinton supaya Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat membuat pengumuman berkenaan saman sivil berkaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah benar.

Ketua Pemuda UMNO Pahang, Mohd. Shahar Abdullah berkata, tindakan Dr. Mahathir itu juga merupakan satu jenayah berat kepada negara.

“Adakah ahli dan penyokong Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) merasakan tindakannya memberi RM21.3 juta kepada Yayasan Clinton, satu yayasan luar yang tiada kepentingan adalah tindakan yang adil buat mereka?”

“Jika benar semua tindakan Dr. Mahathir kini adalah untuk membela nasib rakyat mengapa tidak menggunakan RM21.4 juta untuk membantu rakyat yang miskin dan memerlukan kerana saya percaya jumlah ini

dapat membantu ramai orang,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Mohd. Shahar, sumber kewangan yang diperoleh oleh Dr. Mahathir untuk membayar wang tersebut kepada Yayasan Clinton juga diragui puncanya.

“Saya masih sangsi daripada sumber manakah beliau mendapatkan duit tersebut, adakah dengan

duit anak-anaknya ataupun duit beliau sendiri hasil yang dikumpul semasa beliau menadbir yang dikatakan sangat bersih ataupun duit parti baharu beliau.

“Jika perbuatan Dr. Mahathir ini tidak dipersoalkan, saya tidak tahu di mana lagi rasional pemikiran penyokong PPBM dan pembangkang dalam menegakkan kebenaran,” katanya.

Katanya, kini rakyat Malaysia mula sedar mengapa semakin banyak akar umbi PPBM kecundang dan keluar parti dengan alasan kepincangan pucuk pimpinan



MOHD. SHAHAR